

KAJIAN PERKEMBANGAN ISLAM DI NEGERI MELAKA MELALUI PEMETAAN MASJID WARISAN MENGGUNAKAN KAEDAH GIS

Noor Faizah Binti Zohardin¹, Ahmad Yusof Bin Sahdan², Jusmine Hanis Binti Abdullah³

¹²³ Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Merlimau

E-mail: noorfaizah@pmm.edu.my, ahmadyusof@pmm.edu.my, jusminehanis@pmm.edu.my

Abstract— Malacca is renowned as a center for the rapid development and spread of Islam around the 15th century. The construction of mosques during that period served as places for the unity of Muslims and centers for the dissemination of knowledge. Mapping the location of these heritage mosques is important in identifying the early locations of Islam's spread in Malacca. Approximately 57 mosques have been designated as heritage mosques in Malacca by the Melaka Museum Corporation (PERZIM). Heritage mosques are those that are over 50 years old and still maintain their original characteristics. This study was conducted to map the locations of these heritage mosques using the Geographic Information System (GIS) method. All spatial location information and mosque database attributes will be organized to facilitate various analyses from the data. The data on mosques arranged using GIS methods can be analyzed more comprehensively, especially regarding the development of Islam in Malacca. The trajectory of Islam's development in Malacca can be clearly seen through the mapping of identified heritage mosques. Findings from the study indicate that Islam originated and focused on the coastal areas of Malacca before 1900 and began to spread throughout the state of Malacca after 1900.

Keywords— Malacca, Heritage Mosque, GIS, PERZIM

Abstrak— Melaka terkenal sebagai pusat perkembangan dan penyebaran islam yang pesat sekitar kurun ke-15. Pembinaan masjid pada masa tersebut adalah sebagai tempat penyatuan umat islam dan pusat penyebaran ilmu. Pemetaan lokasi masjid warisan ini penting bagi mengetahui lokasi-lokasi awal penyebaran islam di Melaka. Sebanyak 57 buah masjid telah diwartakan sebagai masjid warisan di Melaka oleh Pihak Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM). Masjid warisan merupakan masjid yang telah berusia lebih dari 50 tahun dan mempunyai ciri asal yang masih di kekalkan. Kajian ini dibuat bagi memetakan lokasi masjid-masjid warisan menggunakan kaedah Geografi Informasi Sistem (GIS). Semua maklumat lokasi (spatial) dan pengkalan data masjid (attribute) akan disusun bagi memudahkan pelbagai analisa dibuat dari data tersebut. Data masjid yang telah disusun menggunakan kaedah GIS boleh dianalisa lebih mendalam terutamanya berkaitan perkembangan islam di Melaka. Polar perkembangan islam di Melaka dapat dilihat dengan jelas melalui pemetaan masjid-masjid warisan yang telah dikenal pasti. Dapatan dari kajian yang dibuat menunjukkan bahawa, islam bermula dan tertumpu di kawasan persisiran pantai Melaka sebelum tahun 1900 dan mula berkembang ke seluruh negeri Melaka selepas tahun 1900.

Kata kunci— Melaka, Masjid Warisan, GIS, PERZIM

I. PENDAHULUAN

Masjid warisan merupakan masjid yang berusia lebih 50 tahun, yang masih mengekalkan ciri-ciri asal dimana masjid tersebut berbentuk segi empat sama, berbumbung 3 tingkat dengan 4 batang tiang menampung puncak mahkota. Bahan binaan masjid juga masih mengekalkan bahan asal seperti tanah liat dan kayu. Sebanyak 57 buah masjid warisan di negeri Melaka telah diwartakan di bawah Enakmen

Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya Tahun 1988 oleh PERZIM seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1. Semua masjid yang telah diwartakan berusia diantara 64 sehingga 400 tahun.


Pemetaan lokasi masjid warisan ini penting bagi mengetahui lokasi-lokasi awal penyebaran islam di Melaka. Mohd Razlan Ahmad (2021) menyatakan bahawa pembinaan masjid pada masa tersebut adalah sebagai tempat penyatuan umat islam dan pusat penyebaran ilmu. Dalam kajian yang dibuat bagi

kefahaman orang awam berkaitan budaya dan sejarah sesuatu tempat. Ia juga dapat menarik minat pelancong mengetahui lebih banyak berkaitan sejarah dan warisan Malaysia. Penyediaan laman sesawang menggunakan kaedah GIS bagi kawasan bersejarah juga mampu meningkatkan industri pelancongan di sesuatu kawasan. (Reda Alkot Mohamed, 2021).

Penyusunan data yang selaras dan sistematik dapat menarik lebih ramai pengkaji untuk terus menghasilkan kajian-kajian berimpak tinggi berkaitan sejarah dan warisan terutamanya di Negeri Melaka.

III. METODEOE PENELITIAN

Secara keseluruhan, kajian ini menumpukan kepada kaedah pembentukan pengkalan data atau data atribut menggunakan perisian Microsoft Excel. Data spatial dan data atribut digabungkan menggunakan perisian QGIS. Data berkaitan maklumat masjid diperolehi dari dokumen-dokumen dan laman sesawang PERZIM, manakala peta dasar Negeri Melaka diperolehi dari pihak Jabatan Ukur Dn Pemetaan Melaka (JUPEM). Data yang telah siap diproses dimasukkan kedalam perisian QGIS Cloud bagi membolehkan data dipaparkan didalam laman sesawang Masjid warisan yang telah dibina. (Erstayudha Hayyu Nurriqzi, Choirul Mubarak, Didit Satriono, 2017) menyatakan dalam pengendalian data spatial, QGIS boleh digunakan sebagai salah satu perisian dalam penghasilan maklumat GIS. Hasil daripada QGIS boleh dipaparkan dalam bentuk jadual dan digabungkan dengan data spatial kawasanyang dikaji. Analisa data menggunakan QGIS boleh dibuat sama ada bagi Analisa spatial atau pun Analisa data atribut. Rajah 4 menunjukkan carta alir keseluruhan kajian.



Rajah 4. Carta alir kajian

IV. HASIL DAN PEMBAHASAN


Melaka telah berkembang sebagai pusat perdagangan yang maju pada kurun ke-15 dan 16. Ia juga menjadi faktor perkembangan islam di Melaka kerana kebanyakan pendakwah yang datang dari Tanah Arab merupakan pedagang. Aniq Musyrif Muhamad Rosdi (2022) menyatakan bahawa lokasi Pelabuhan Melaka yang strategik membantu penyebaran dan perkembangan islam di Melaka. Pendakwah-pendakwah islam juga boleh melakukan aktiviti perdagangan kerana lokasi pelabuhan yang terletak dijalan perdagangan Timur dan barat. Ini terbukti berdasarkan lokasi masjid warisan yang telah dipetakan dalam Rajah 5 dibawah, dapat dilihat bahawa pembinaan masjid-masjid awal telah dibina dikawasan persisiran pantai yang merupakan pusat ekonomi Melaka sebelum kurun ke 20.



Rajah 5. Masjid warisan yang terdapat di kawasan Melaka Tengah

Terdapat sebanyak 29 buah masjid warisan yang berada di daerah Melaka Tengah . Masjid-masjid tersebut berusia diantara 85 sehingga 400 tahun. Jika dikaji dari sejarah kedatangan islam di Melaka, penyebaran islam berlaku apabila Parameswara memeluk islam dan diikuti oleh rakyat Melaka. Melaka Tengah merupakan pusat pemerintahan Melaka sehingga sekarang. Jika dilihat dari data , jelas menunjukkan bahawa pembinaan masjid warisan sebelum kurun ke19 tertumpu dikawasan pemerintahan dan laluan perdagangan.

Berdasarkan Rajah 6 dibawah dapat dilihat bahawa, penyebaran islam mula berkembang dikawasan seluruh Negeri Melaka selepas kurun ke 20. Ini Terbukti dengan pembinaan masjid-masjid baru selepas tahun 1900 tidak lagi tertumpu di kawasan persisiran pantai malah telah berkembang ke tempat-tempat lain di negeri Melaka.



Rajah 6. Pola pembinaan masjid sebelum tahun 1800 sehingga selepas tahun 1900

Merujuk kepada jadual 1 dibawah, didapati bahawa semakin banyak masjid yang telah dibina selepas tahun 1900. Ini menunjukkan bahawa, penyebaran agama islam semakin berkembang selepas kurun ke 20. Walaubagaimana pun masih banyak masjid-masjid lama yang berusia lebih 100 tahun tidak diwartakan sebagai

masjid warisan. Sekiranya semua masjid-masjid ini dipetakan secara sistematik, satu pola perkembangan islam dari kurun ke 15 hingga kurun ke 20 pasti boleh dibuat bagi melihat perkembangan islam berdasarkan pembinaan masjid di satu-satu kawasan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6.

JADUAL I
JUMLAH MASJID WARISAN YANG DIBINA SEBELUM DAN SELEPAS TAHUN 1900

Tahun pembinaan	Jumlah masjid
Sebelum Tahun 1900	20 Masjid
Selepas Tahun 1900	37 Masjid

V. KESIMPULAN

Pemetaan menggunakan teknologi GIS bukan sahaja data membantu penyimpanan data yang lebih efektif dalam bentuk spatial dan attribute, malah lebih banyak analisa akan dapat dibuat. Pengguna juga dapat mengoleh data yang ada mengikut analisa yang diperlukan.

Pemetaan Masjid-masjid warisan negeri Melaka dapat menunjuk secara ringkas pola pekembangan islam di Melaka. Perkembangan islam telah mula berkembang ke daerah-daerah lain bermula dari kurun ke 20 berdasarkan jumlah dan lokasi masjid-masjid baru yang dibina. Daerah Melaka Tengah dilihat sebagai tempat terawal perkembangan islam di Melaka dimana banyak masjid-masjid lama telah dibina dikawasan tersebut. Dasar penyebaran islam bermula dari istana kepada rakyat jelata dapat dilihat dengan jelas apabila penumpuan kawasan pembinaan masjid adalah dikawasan kota lama pentadbiran Melayu Melaka.

DAFTAR PUSTAKA

Aniq Musyrif Muhamad Rosdi, K. O. (2022). Perjalanan Dakwah Islamiyyah Di Melaka Al-Ummah 2022. *Seminar Dakwah Dan Wahdah*.

Erstayudha Hayyu Nurrisqi, Choirul Mubarak, Didit Satriono. (2017). Model Pemetaan Menggunakan Qgis Usaid Adaptasi Perubahan Iklim Dan Ketangguhan (Apik). Jawa Timur, Indonesia: Kementerian Ppn.

Irem Ayhan, K. M. (2010). Explaining Historical Urban Development Using The Locations Of Mosques: A Gis/Spatial Statistics-Based Approach. *Applied Geography*, Volume 30, Issue 2, 229-238.

Luis Javier Sánchez-Aparicio, M.-G. M. (2020). Web-Gis Approach To Preventive Conservation Of Heritage

- Buildings, Joaquín García-Alvarez. Automation In Construction, Volume 118, 1-23.
- Mohd Razlan Ahmad, R. N. (2021). Semakan Arah Kiblat Masjid-Masjid Warisan:. Jurnal 'Ulwan Jilid 6, Bil.3 (2021), 49-63.
- Reda Alkot Mohamed, Z. Y. (2021). Using Web Gis For Marketing Historical Destination. Geographia Technica, Vol. 16, Issue 2, 193-204.
- Rosilawati Zainol, Z. A. (2017). Aplikasi Sistem Maklumat Geografi (Gis) Dalam Meningkatkan Potensi Warisan Peninggalan Seajrah. Sejarah: Journal Of The Department Of History, 124-138.
- Zakaria, R. M., & Rahman, S. N. (2018). Warisan Ketara Seni Islam Tempatan: Mahkota Atap Masjid Tradisional Melaka. *Asian Journal Of Environment, History And Heritage*, 185-196.